

# Dunia Madrasah

## Madrasah Persatuan Islam

Jasa madrasah-madrasah dalam perkembangan Islam, baik di tanah air kita Semenanjung Tanah Melayu atau pun di Indonesia sangatlah besar pengaruh dan kesannya. Halaman “Dunia Madrasah” ini sedia mengenalkan madrasah-madrasah dan ahli-ahli pendidik kita kepada masyarakat. Hantarkanlah yang mengenai perjalanan madrasah saudara dan riwayat kemajuannya. Sebagai contoh kami hidangkan di sini riwayat sebuah madrasah yang terkenal di Indonesia iaitu “Pesantren PERSIS”- sebuah madrasah yang pada mulanya didirikan di Bandung dan sekarang telah dipindahkan ke Bangil, Surabaya- (Pengarang Qalam.)

Pesantren ini mula-mula didirikan di Bandung dengan kehendak beberapa pemimpin dan umat Islam, pada 1 Dzulhijjah 1354 (Mac 1936), bertempat di Masjid “PERSIS” (Persatuan Islam), Jalan Pangeran Sumedang.

Pengurus dan guru-gurunya terdiri dari beberapa orang, di antaranya Kiyai Hasan Bin Ahmad sebagai ketua dan guru, dan Tuan Mohammad Natsir sebagai penasihat dan guru.

Tujuan mendirikan pesantren ini ialah supaya dapat mengeluarkan mubaligh-mubaligh Islam yang sanggup menyayarkannya, mengajar, membela dan mempertahankan agama Islam.

Pelajarannya selain daripada ilmu-ilmu agama, juga ilmu umum, seperti ilmu guru oleh Tuan Muhammad Natsir, ilmu teknik oleh Tuan R. Abdul Kadir dari Sekolah Teknik Tinggi di Bandung.

Jumlah pelajar ketika itu lebih kurang 40 orang, datang dari beberapa daerah Kepulauan Indonesia. Kebanyakannya datang dari luar Jawa. Di antara 40 pelajar itu, sebahagiannya ketika di Bandung telah meninggalkan pesantren, keluar sebagai mubaligh dan sebagai guru.

Di samping pesantren tadi diadakan pula sebuah

pesantren kecil untuk kanak-kanak di waktu petang, dengan murid lebih kurang 100 lelaki dan perempuan.

Setelah pesantren berjalan kira-kira tiga tahun, sebahagian pengurus dan guru-gurunya pindah meninggalkan Bandung, antaranya Tuan Kiyai Hasan dan Muhammad Ali al-Hamidi, pindah ke Bangil. Kerananya pesantren pun ikut pindah ke Bangil pada bulan Mac 1940 bersama-sama dengan 25 murid yang ketinggalan dari murid-murid yang telah tamat di Bandung. Di Bangil murid-murid bertambah dengan beberapa orang lagi dari berbagai daerah Kepulauan Indonesia.

Pada bulan Februari 1941, iaitu setahun kemudian, di buka pesantren bahagian isteri dengan 12 murid, semuanya dari luar Bangil. Kedua-dua pesantren itu berjalan dengan baik dan memuaskan.

Tiba-tiba pada bulan Disember 1941, perang pecah, beberapa pelajar pulang ke tempat asalnya masing-masing. Ketika tentera Jepun mendarat di Pulau Jawa, beberapa murid lelaki tinggal di pesantren kerana tidak dapat pulang. Dalam masa pendudukan Jepun, mahu tak mahu pesantren terpaksa ditutup.

Dalam masa revolusi, belum ada kesempatan hendak menghidupkan balik pesantren itu. Baharulah pada bulan

Oktober 1950 dimulai mengadakan persiapan untuk menghidupkan semula terutama dengan desakan beberapa pihak yang menaruh minat kepada pesantren.

Pada 11 Jun 1951, terbentuklah panitia untuk menyelenggarakan pesantren itu kembali. Susunan panitia antaranya tuan-tuan: Kiayi Hasan, Muhammad Natsir dan Muhammad Bin Salim Nubhan sebagai penasihat serta 12 orang pengurus diketuai oleh Tuan Abdullah Nubhan. Pada 1 Muharam 1371 (3 Oktober 1951) pesantren dapatlah dibuka dengan rasmi kembali sesudah terhenti sekian lama.

Pelajarannya:

1. Agama: *Nahu, Saraf, Muḥādīthah, 'Inshā', Balāghah, Bayān, Baḍī'*, *Ma'ānī, Tafsīr* dan ilmunya, mengaji dan *tajwidnya*, *Fiqh, Farā'id, Ḥadīth*, dan *'Ilmu ḥadīth, Akhlāq, Tārikh Islām, Tauhīd*,

*Ilmu Ḥadīth*.  
2. Umum: Sejarah, Ilmu Bumi, Ilmu Alam, Ilmu Hisab, Tatanegeara, Kesihatan, ilmu mengajar, bahawa mengenal agama-agama lain dan Ilmu Hayat. Dengan catitan “ilmu umum” ini diberikan yang mustahak sangat. Dengan demikian pengajaran di pesantren itu lebih banyak ilmu agamanya daripada imu umum.  
3. Bahasa: Indonesia, Arab, dan Inggeris. Bahasa pengantarnya ialah Bahasa Indonesia. Lama belajarnya ditetapkan 5 tahun bagi satu angkatan. Pelajar-pelajar sesudah diperiksa oleh doctor, membuat perjanjian bahawa akan sanggup mengikuti syarat-syarat yang telah ditentukan dalam asrama (rumah tumpangan).  
Alamat surat-surat bagi pesantren itu: Jalan Pogar, 350 Bangil, Jawa Timur



Guru-guru agama dari Madrasah Sa'adiyah dan Madrasah Šālihiyyah, Temoh Perak, bergambar ramai dengan Tuan Haji Hashim (bertanda) Yang Dipertua bagi kedua-dua madrasah itu.